

## **Family Variables and Self Concept Variables (Part 14)**

Siti Sarawati Binti Johar

### **4.7 Kajian Thomes ( 1968 )**

Melalui kajian Thomes pula, beliau telah cuba untuk membezakan 2 kumpulan anak ( berusia lingkungan 9 -11 tahun ) yang mempunyai persamaan bentuk keluarga dari segi tahap sosioekonomi & struktur kecuali dari konteks sama ada bapa bersama di rumah atau ketiadaan bapa kerana bercerai hidup atau bercerai mati dengan si ibu.<sup>i</sup> Beliau cuba mengesan kewujudan kolerasi antara situasi mempunyai bapa atau tidak di rumah dengan pembentukan konsep kendiri. Faktor perpecahan keluarga seperti perceraian ibu bapa atau bercerai mati dihipotesiskan pada awalnya sebagai satu pemungkin yang mempengaruhi pembentukan konsep kendiri anak. Walaupun pengkaji seolah-olah tiada alasan sistematik yang diusahakan untuk kaitkan faktor ini dengan pembentukan konsep kendiri anak tetapi ia tidak dinafikan amat berkait rapat dengan pembangunan psikologi.

Kajian dilakukan pada seramai 47 orang kanak-kanak yang mempunyai ayah di rumah dan 36 kanak-kanak yang tidak mempunyai ayah di rumah ( ditinggal minimum selama 2 tahun). Kajian ini dinilai menggunakan soalan-soalan berdasarkan 36 kualiti personality, contohnya keperluan untuk menggambarkan dirinya jadi seperti yang diinginkan & menggambarkan tentang kebanyakan ibu / bapa yang diketahui. Untuk pengukuran yang kedua, pengkaji telah menggunakan 2 skala dari California Test Personality(L.P.Thorpe,Clark,& Tiegs,1953).

Hasil kajian kemudiannya didapati tiada wujudnya perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan di atas. Atas situasi ini, similarnya dapatlah dipertimbangkan kemungkinan :

- I) Anak-anak yang berusia 9-11 tahun telah pun berupaya menerima satu daripada pembangunan personaliti yang telah terbentuk sebelum itu.
- II) Pemergian bapa sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun didapati telah wujudkan penyesuaian dalam diri anak sekaligus membentuk konsep kendirinya yang sememangnya telah pun terbentuk sebelum tempoh itu ekoran hakikat pembentukan konsep kendiri anak-anak adalah bermula sejak awal kanak-kanak lagi. Hanya ia mungkin akan diadaptasi mengikut keadaan persekitaran yang terkini.

CONTINUE...